

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA PELANCARAN KIBAR JALUR
GEMILANG DAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2007**

TEMPAT:

KAMPUS INDUSTRI

UTeM

TARIKH :

17 OGOS 2007

TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK PROFESOR ISMAIL BIN HASSAN, NAIB CANSELOR UTeM, SEMPENA PELANCARAN KIBAR JALUR GEMILANG DAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2007 BERTEMPAT DI KAMPUS INDUSTRI PADA 17 OGOS 2007.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH DAN SALAM SEJAHTERA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Y. BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI, DEKAN-DEKAN, KETUA-KETUA JABATAN, STAF-STAF UNIVERSITI

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN BARISAN EXCO

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH RAHMATNYA DAPAT KITA BERKUMPUL PADA PETANG INI BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS KEMPEN KIBAR JALUR

GEMILANG SEMPENA SAMBUTAN BULAN
KEMERDEKAAN PERINGKAT UTaM 2007.

MARILAH KITA MENGUCAPKAN RASA KESYUKURAN
YANG TIDAK TERHINGGANYA TERHADAP ALLAH
SWT KERANA TELAH MENGURNIAKAN KEPADA KITA
SUASANA KEAMANAN, KEHARMONIAN DAN
KESEJAHTERAAN HIDUP DI SEBUAH NEGARA YANG
BEBAS, MERDEKA DAN BERDAULAT INI, IAITU
MALAYSIA YANG TERCINTA.

PADA 31 OGOS 2007 INI GENAPLAH NEGARA KITA
MENYAMBUT KEMERDEKAANNYA UNTUK KALI KE
50. KITA HARUS BERASA BANGGA DAN BERSYUKUR
KERANA NEGARA KITA MASIH TETAP UTUH
MENGEKALKAN KEDAULATANNYA. KEDAULATAN
YANG KITA NIKMATI INI TELAH MEMBOLEHKAN
NEGARA KITA MEMBANGUN DENGAN PESATNYA
BAGI MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR DAN

KEMUDAHAN AWAM YANG BAIK SERTA CANGGIH
DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI
SEKALIAN,

SEBELUM MERDEKA, TAHAP PENDIDIKAN
PENDUDUK MALAYSIA BERADA DALAM KEADAAN
DAIF DAN AMAT TERTINGGAL. TIADA KELIHATAN
BANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH YANG CANTIK DAN
BERSIH SEPERTI SEKARANG. KEBANYAKANNYA
DIBUAT DARIPADA KAYU PAPAN DAN KELIHATAN
USANG. MATA PELAJARAN YANG DIAJAR PULA
SEKADAR UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT DAPAT
MEMBACA. TIADA BUKU RUJUKAN DISEDIAKAN DAN
KEBANYAKAN ILMU YANG DITUNTUT ADALAH
BERGANTUNG KEPADA PENGETAHUAN GURU
YANG MENGAJAR.

MASYARAKAT KITA KHUSUSNYA MASYARAKAT MELAYU KEBANYAKANNYA TIDAK MAMPU UNTUK MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA KE SEKOLAH. INI KERANA KEDAIFAN HIDUP MENJADIKAN MEREKA TIDAK BERKEMAMPUAN UNTUK MENAMPUNG PERBELANJAAN PERSEKOLAHAN ANAK-ANAK. MASYARAKAT MELAYU TERUS TERTINGGAL DARI ARUS KEMAJUAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

SETELAH 50 TAHUN MERDEKA, KEADAAN INI SUDAH JAUH BERBEZA. SEKOLAH-SEKOLAH DIBINA DI SELURUH PELUSUK NEGARA DALAM KEADAAN TERSERGAM CANTIK SERTA MEMPUNYAI PELBAGAI KEMUDAHAN SEPERTI PERPUSTAKAAN, ASRAMA DAN BILIK KOMPUTER. MALAH PENDIDIKAN TELAH MENJADI SESUATU YANG WAJIB KEPADA IBUBAPA. BANTUAN BUKU TEKS DIBERI KEPADA YANG

MEMERLUKANNYA. GURU-GURU YANG MENDIDIK MEMPUNYAI PENGETAHUAN YANG LUAS DAN KURIKULUMNYA DIPERKEMASKAN BUKAN SEKADAR UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT MEMBACA TETAPI MENJADI MODAL INSAN YANG MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN.

KITA AMAT BERSYUKUR KERANA HARI INI, SEBANYAK 20 INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) TELAH DITUBUHKAN, DI SAMPING BANYAK LAGI INSTITUSI KEMAHIRAN TINGGI SEPERTI POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI DAN RATUSAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA BEROPERASI. KESEMUANYA INI TELAH MEMBOLEHKAN RAKYAT MALAYSIA Mendapat Pendidikan Tinggi yang Berkualiti yang tidak diperolehi di zaman penjajah.

SEBILANGAN PELAJAR JUGA DITAJA OLEH KERAJAAN UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN DI LUAR NEGARA SAMA ADA DI EROPAH, ASIA DAN TIMUR TENGAH SEPERTI AMERIKA SYARIKAT, JEPUN, KOREA, AUSTRALIA, MESIR DAN SEBAGAINYA. INI SEMUA ADALAH NIKMAT KEMERDEKAAN HASIL PERJUANGAN GENERASI TERDAHULU.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

KITA TELAH DIBELENGU DENGAN PENJAJAHAN SELAMA 446 TAHUN OLEH PELBAGAI BANGSA IAITU PORTUGIS, INGGERIS, BELANDA DAN JEPUN SEBELUM MENUNGGU DETIK BERSEJARAH 31 OGOS 1957.

MARUAH, HARGA DIRI, KEBEBASAN, HAK DAN KEDAULATAN NEGARA BANGSA DITENTUKAN OLEH BANGSA PENJAJAH.

SEMENTARA MENUNTUT KEMERDEKAAN OLEH ALMARHUM TENGGU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, RAMAI TOKOH-TOKOH DAN PEJUANG TANAH AIR SEPERTI TOK JANGGUT, TOK BAHAMAN, BATUK MAHARAJA LELA, RENTAP DAN LAIN-LAINNYA TELAH BERKORBAN UNTUK MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA. OLEH ITU SEBAGAI GENERASI MUDA KITA HARUS MENGHARGAI PENGORBANAN MEREKA DAN MENGINSAFI AKAN ERTI PERIT SERTA SENGSARANYA MENUNTUT KEMERDEKAAN.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN

MANTAN PERDANA MENTERI MALAYSIA IAITU TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD PERNAH BERKATA BAHAWA MENGISI KEMERDEKAAN ITU LEBIH SUKAR DARI MENUNTUT KEMERDEKAAN. KATA-KATA INI MEMBAYANGKAN BAHAWA UNTUK MEMBANGUN DAN MENGEKALKAN KEMAKMURAN NEGARA MALAYSIA, KITA PERLU MEMPUNYAI SEMANGAT NASIONALISME YANG TINGGI, BERUSAHA LEBIH GIGIH, BERMUAFAKAT, BERCITA-CITA TINGGI, MEMPUNYAI JATI DIRI YANG TEGUH DAN TIDAK LEKA DENGAN NIKMAT KEMERDEKAAN YANG DIKECAPI.

UNTUK ITU, SETIAP DARI KITA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA ADALAH MEMIKUL AMANAH BAGI MEMASTIKAN MALAYSIA YANG KITA CINTAI INI BERADA DALAM SUASANA YANG HARMONI, TIADA PERPECAHAN KAUM, MEMPERTAHANKAN KEDAULATANNYA DARI ANASIR LUAR DAN

SETERUSNYA MELETAKKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA MERDEKA YANG DIHORMATI.

INGATLAH BAHAWA KEMERDEKAAN YANG DINIKMATI INI PERLU DIWARISKAN KE GENERASI SETERUSNYA SUPAYA MEREKA JUGA DAPAT MENIKMATI RAHMAT KEMERDEKAAN, KERANA BANGSA YANG DIJAJAH ADALAH BANGSA YANG HINA DAN TERPINGGIR. SESUNGGUHNYA SESEBUAH NEGARA YANG MERDEKA TIDAK AKAN MENUNTUT KEMERDEKAANNYA UNTUK KALI KEDUA, MEREKA ADALAH BEBAS DARI PENJAJAHAN FIZIKAL DAN MINDA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

BENDERA MALAYSIA YANG KINI DIKENALI SEBAGAI JALUR GEMILANG TELAH BERKIBAR PADA SAAT TURUNNYA BENDERA UNION JACK. BENDERA

MALAYSIA ADALAH LAMBANG KEDAULATAN BANGSA MALAYSIA YANG MERDEKA. IA DIKIBARKAN DENGAN KALIMAH SEMANGAT IA MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA! YANG TELAH KITA NANTIKAN SELAMA LEBIH 400 TAHUN.

SEBAGAI MENZAHIRKAN RASA KESYUKURAN DI ATAS NIKMAT KEMERDEKAAN YANG TELAH KITA KECAPI, SAYA MENYERU KEPADA WARGA UNIVERSITI SUPAYA MENGIBARKAN BENDERA KEBANGSAAN SEPANJANG BULAN KEMERDEKAAN INI. IA BUKANLAH SESUATU YANG SUKAR KERANA IA TIDAK MENUNTUT KEPADA PENGORBANAN NYAWA, WANG RINGGIT DAN MASA. BERSYUKURLAH MENJADI RAKYAT YANG MERDEKA DAN PERTAHANKANLAH KEMERDEKAAN INI SELAMANYA.

AKHIR KATA SAYA MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN

ALUMNI DAN SEMUA PIHAK YANG MENJAYAKAN PROGRAM INI. SAYA JUGA MENGUCAPKAN SELAMAT MENYAMBUT BULAN KEMERDEKAAN DAN KIBARKAN JALUR GEMILANG DENGAN MEGAHNYA.

SEKIAN, WABILLA HITAUFIK WALHIDAAYAH WSM WBT.